

## SIARAN MEDIA

# MSM CATAT KERUGIAN SEBELUM CUKAI SEBANYAK RM179 JUTA UNTUK TK2022

Kos input tinggi yang berterusan memberi kesan ketara kepada prestasi kewangan di samping itu terus memastikan tiada kekurangan gula dalam pasaran tempatan

**KUALA LUMPUR, 22 FEBRUARI 2023** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis terkemuka merekodkan kerugian sebelum cukai (LBT) sebanyak RM179 juta bagi 12 bulan (12M) berakhir 31 Disember 2022 (TK2022), berbanding keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM81 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas, disebabkan oleh tekanan margin yang berpanjangan bagi harga kawalan segmen runcit domestik dan tanpa sebarang subsidi.

Hasil bagi suku keempat (S4) Tahun Kewangan 2022 (TK2022) ialah RM678 juta berbanding RM642 juta bagi suku yang sama tahun lepas, manakala untuk 12M TK2022, MSM mencatatkan hasil sebanyak RM2.56 bilion, peningkatan 13 peratus daripada RM2.26 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas. Peningkatan dalam Harga Jualan Purata (ASP) yang diperoleh daripada premium Industri yang lebih tinggi dan peningkatan premium Eksport adalah penyumbang utama kepada peningkatan dalam hasil. Walaupun terdapat peningkatan dalam ASP, MSM melaporkan keuntungan kasar negatif hasil daripada kos pengeluaran 22 peratus lebih tinggi terutamanya NY11 18 peratus lebih tinggi, pertukaran asing 5 peratus lebih tinggi dan 25 peratus peningkatan kos penapisan (RC). Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada RC yang lebih tinggi ialah kenaikan kos gas sebanyak 63 peratus.

“Untuk S4 TK2022, jumlah jualan Kumpulan menurun sebanyak empat peratus berbanding S4 TK2021. Walaupun volum borong meningkat kepada 18 peratus sejajar dengan permintaan yang lebih tinggi dan volum Industri meningkat sebanyak 7 peratus, jualan eksport MSM menurun sebanyak 41 peratus kerana keutamaan diberikan kepada pesanan domestik untuk mengelakkan kekurangan gula tempatan,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad.



“40 peratus perniagaan MSM terdiri daripada bekalan kepada borong dan runcit bagi segmen pengguna dan untuk segmen khusus ini kami beroperasi dengan margin negatif yang ketara sejak suku keempat 2021. Sepanjang 10 tahun yang lalu, pengeluar gula bertapis beroperasi tanpa subsidi dan hanya menerima sedikit kenaikan harga sebanyak 1 sen/kg. Dengan harga terkawal RM2.85/kg, Malaysia jauh lebih murah berbanding negara pengeluar gula terkemuka yang bersepadu dengan perladangan dan skim penjimatan tenaga seperti Thailand pada RM3.50/kg. Selebihnya, harga runcit di rantau Asia antara RM4.50 – 6.50/kg,” jelas Syed Feizal.

“Sebagai pemain industri bersama, kami telah mengadakan sesi libat urus dengan kerajaan sejak Mei 2021 untuk mendapatkan sokongan bagi cadangan semakan harga baharu atau subsidi. Malah kami bersedia untuk beroperasi dengan dasar harga terapung tetapi kami mohon intervensi daripada kerajaan. Sebagai pengeluar makanan penting, pengeluar gula bertapis tempatan memastikan keterjaminan makanan manakala import bukan pilihan yang mampan dan terhad kepada kuota eksport negara mereka, khususnya India, yang mungkin dihentikan untuk melindungi keperluan domestik mereka,” tambah Syed Feizal lagi.

Walaupun dengan permintaan yang lebih kukuh seperti dalam pasaran tempatan dan eksport, kos input yang tinggi terus menghalang peningkatan prestasi kewangan Kumpulan. Kumpulan terus menumpukan pada penambahbaikan harga jualan purata dan mencapai kos penapisan yang lebih rendah.

MSM akan terus memacu pertumbuhan yang mampan dengan rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang dipertingkatkan dalam Kumpulan MSM melalui pelbagai inisiatif berterusan dan baharu seperti menerima pakai Prinsip Pemerksaan Wanita Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Women's Empowerment - WEPs*) dan 100% gula mentah yang diperoleh daripada Inisiatif Gula NDPE Wilmar (*Wilmar NDPE Sugar Initiative*).

**-TAMAT-**



### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama “Gula Prai”. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2021, MSM mengeluarkan sebanyak 895,222 tan gula bertapis, di mana 246,101 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM900 juta setakat 31 Disember 2021. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama “Gula Prai”. MSM juga turut menjual ‘molasses’ sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti “percaya”, “menganggarkan”, “mengharapkan”, “menjangka”, “berhasrat”, “mungkin”, “akan”, “merancang”, “prospek” dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

### **Untuk pertanyaan media sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 158  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Syahidah Ismail**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6019 225 9705  
[syahidah.i@msmsugar.com](mailto:syahidah.i@msmsugar.com)